



Garis Panduan Pencegahan Penularan COVID-19 Daripada Manusia Kepada Haiwan Kesayangan



USAID
FROM THE AMERICAN PEOPLE

SEA HUN
Southeast Asia One Health
University Network

My HUN
MALAYSIA ONE HEALTH UNIVERSITY NETWORK

UC DAVIS
One Health Institute
School of Veterinary Medicine

AFRO HUN
Advancing One Health

**EcoHealth
Alliance**

Ata Health Strategies

icap Global Health

Berkeley
UNIVERSITY OF CALIFORNIA

ECHO

UCI University of California, Irvine

Garis Panduan Pencegahan Penularan COVID-19 Daripada Manusia Kepada Haiwan Kesayangan

Penyunting

Profesor Dr Siti Suri Arshad
Profesor Dr Latiffah Hassan
Dr Farina Mustaffa Kamal

Garis Panduan Pencegahan Penularan COVID-19 Daripada Manusia Kepada Haiwan Kesayangan

Published by:



**NATIONAL COORDINATING OFFICE (NCO)
MALAYSIA ONE HEALTH UNIVERSITY NETWORK
(MyOHUN)**

Faculti Perubatan Veterinar

Universiti Putra Malaysia

43400 Serdang, Selangor, Malaysia

Phone: +603-9769 3476 /3477 /3478

E-Mail: nco@myohun.com

Website: <https://www.myohun.com>

Hak cipta terpelihara. Tiada bahagian buku ini boleh diterbitkan semula dalam apa jua bentuk tanpa kebenaran bertulis daripada penerbit kecuali oleh pengulas yang ingin memetik petikan ringkas dalam ulasan yang ditulis untuk dimasukkan ke dalam majalah atau akhbar.

Buku garis panduan ini diwujudkan dengan sokongan dari rakyat Amerika melalui Agensi Pembangunan Antarabangsa Amerika Syarikat (USAID). Kandungannya adalah tanggungjawab Malaysia One Health University Network (MyOHUN) di bawah One Health Workforce - Next Generation Project dan tidak semestinya mencerminkan pandangan USAID atau Kerajaan Amerika Syarikat. USAID mempunyai hak eksklusif tanpa royalti untuk menghasilkan semula, menerbitkan, atau sebaliknya menggunakan dan memberi kuasa kepada orang lain untuk menggunakan karya tersebut untuk tujuan kerajaan Amerika Syarikat.

e ISBN 978-629-96566-3-0



9 786299 656630

Penyumbang

Universiti Putra Malaysia

Dr Farina Mustaffa Kamal
Jabatan Patologi & Mikrobiologi Veterinar
Fakulti Perubatan Veterinar

Profesor Madya Dr Gayathri Thevi Selvarajah
Jabatan Pengajian Klinikal Veterinar
Fakulti Perubatan Veterinar

Dr Intan Nur Fatiha Shafie
Jabatan Pengajian Klinikal Veterinar
Fakulti Perubatan Veterinar

Dr Khor Kuan Hua
Jabatan Pengajian Klinikal Veterinar
Fakulti Perubatan Veterinar

Dr Nur Indah Ahmad
Jabatan Patologi & Mikrobiologi Veterinar
Fakulti Perubatan Veterinar

Ms Nur Karmila Zainundin
Jabatan Patologi & Mikrobiologi Veterinar
Fakulti Perubatan Veterinar

Profesor Dr Syafinaz Amin Nordin
Jabatan Mikrobiologi Perubatan
Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan

Dr Syamira Syazuana Zaini
Jabatan Pengajian Klinikal Veterinar
Fakulti Perubatan Veterinar

Universiti Kebangsaan Malaysia

Profesor Madya Dr Azimatun Noor Aizzuddin
Jabatan Kesihatan Masyarakat
Fakulti Perubatan

Kementerian Kesihatan Malaysia

Dr Rohani Jahis
Bahagian Kawalan Penyakit
Ibu Pejabat Kementerian Kesihatan Malaysia

Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

Dr Rohaiza Yahaya
Bahagian Kawalan Penyakit dan Biosekuriti Veterinar
Ibu Pejabat Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia

Isi Kandungan



Pengenalan 1

Latar Belakang 2

**I. Maklumat penularan COVID-19
daripada Manusia kepada Haiwan
Kesayangan** 4

**II. Amalan kebersihan pemilik yang
positif COVID-19 semasa
mengendalikan haiwan kesayangan
mereka** 5

**III. Pengurusan haiwan kesayangan
yang disyaki dijangkiti COVID-19
bagi pemilik dan doktor veterinar** 7

Untuk doktor veterinar 9



Pengenalan



Koronavirus novel yang dinamakan secara rasmi sebagai koronavirus sindrom pernafasan akut teruk 2 (SARS-CoV-2) muncul pada akhir 2019, dan sehingga kini virus ini telah menyebabkan pandemik koronavirus yang belum pernah berlaku pada abad ke-21. Banyak negara kini telah beralih ke fasa endemik. Virus ini boleh merebak daripada mulut atau hidung individu yang dijangkiti melalui zarah cecair kecil apabila mereka batuk, bersin, bercakap, menyanyi, atau bernafas. Zarah ini terdiri daripada titisan pernafasan yang lebih besar sehingga cecair aerosol yang lebih kecil. Amalan etika pernafasan yang betul adalah sangat penting, sebagai contoh, batuk pada pelipat lengan dan duduk di rumah serta mengasingkan diri sehingga pulih jika anda berasa tidak sihat. Kebanyakan individu yang telah divaksin dan dijangkiti virus akan mengalami penyakit pernafasan dan/atau penyakit gastrousus pada tahap yang ringan hingga sederhana, serta akan pulih tanpa memerlukan rawatan lanjut. Namun, segelintir individu akan sakit teruk dan memerlukan perhatian perubatan. Orang yang lebih tua dan mereka yang mempunyai masalah kesihatan, seperti penyakit kardiovaskular, diabetes, penyakit pernafasan kronik atau kanser mungkin akan mengalami penyakit yang lebih serius.

Latar Belakang

Laporan jangkitan COVID-19 pada haiwan, dan haiwan kesayangan pada peringkat global

Terdapat laporan bahawa manusia yang dijangkiti COVID-19 boleh menyebarkan agen penyebab (SARS-CoV-2) kepada haiwan kesayangan mereka. Maklumat mengenai penularan virus dalam pelbagai spesies haiwan yang berbeza masih terhad. Penemuan positif melalui ujian PCR pada anjing, kucing, mink ternak dan haiwan liar di zoo telah menimbulkan kebimbangan bahawa haiwan juga mungkin berperanan dalam meningkatkan dan menularkan virus tersebut. Reptilia dan burung tidak dijangkiti oleh virus ini. Risiko penularan virus oleh haiwan kepada manusia adalah **AMAT RENDAH**, namun begitu, manusia yang dijangkiti penyakit koronavirus 2019 (COVID-19) boleh menyebarkan virus kepada haiwan semasa hubungan rapat.

Anjing dan kucing mempunyai risiko yang rendah menghadapi jangkitan SARS-CoV-2, namun begitu mereka boleh jatuh sakit di dalam kajian eksperimen. Haiwan yang dijangkiti melalui ujian eksperimen boleh menghasilkan antibodi (seroconvert) tetapi tidak menunjukkan tanda-tanda klinikal. Virus berjangkit ini boleh ditemui pada saluran pernafasan atas dan bawah dalam tempoh sehingga 10 hari, dan RNA virus boleh dikesan pada cucian hidung sehingga sembilan hari. Kucing didapati mampu membina imuniti yang kuat kerana haiwan ini menghasilkan antibodi yang meneutralkan virus dan berdaya tahan terhadap jangkitan semula apabila terkena jangkitan susulan.



Kes COVID-19 pada haiwan kesayangan di Malaysia

Kajian pemantauan yang dilaksanakan antara Mac hingga September 2021 di Malaysia menunjukkan bahawa 15.2% (42/278) sampel kucing milik individu yang positif COVID-19 turut didapati positif SARS-CoV-2, sama ada melalui ujian PCR atau antibodi. Interaksi langsung antara pemilik dengan kucing mereka semasa tempoh jangkitan COVID-19 sama ada dengan memberi makan, memeluk, mencium, tidur di katil bersama, atau membersihkan najis haiwan; merupakan antara faktor lazim yang mungkin menyebabkan penularan virus daripada manusia kepada kucing mereka. Selain itu, melalui kajian ini, tiada bukti bahawa jangkitan daripada kucing kepada manusia ataupun kucing kepada kucing telah berlaku. Di samping itu, belum ada laporan tentang haiwan yang mati akibat COVID-19 di Malaysia.

Maka, dapat disimpulkan bahawa haiwan kesayangan boleh dijangkiti dengan COVID-19 tetapi dengan kemungkinan yang rendah, dan ianya dapat dihindari dengan mengurangkan sentuhan dengan haiwan kesayangan sewaktu tempoh jangkitan COVID-19. Oleh itu, garis panduan ini bertujuan menyampaikan maklumat yang berkaitan kepada orang awam, khususnya kepada pemilik haiwan kesayangan, dengan matlamat mengurangkan risiko haiwan daripada dijangkiti SARS-CoV-2.

Objektif:

Menyediakan panduan kepada pemilik haiwan kesayangan dan doktor veterinar dalam pencegahan jangkitan COVID-19 kepada haiwan kesayangan dan pengendalian haiwan kesayangan yang disyaki dijangkiti COVID-19.

Skop Garis Panduan COVID-19

- I. Maklumat penularan COVID-19 daripada manusia kepada haiwan kesayangan;
- II. Amalan kebersihan pemilik yang positif COVID-19 semasa mengendalikan haiwan kesayangan mereka; dan
- III. Pengurusan haiwan kesayangan yang disyaki dijangkiti COVID-19 oleh pemilik haiwan kesayangan dan doktor veterinar.



I. Maklumat penularan COVID-19 daripada Manusia kepada Haiwan Kesayangan

Sehingga kini, bukti jangkitan virus daripada haiwan kesayangan kepada manusia dan jangkitan sesama haiwan kesayangan adalah terhad, namun kejadian ini amat jarang berlaku. Virus ini mungkin menular menerusi hubungan rapat dalam tempoh berpanjangan yang dikaitkan dengan pengendalian haiwan kesayangan oleh pemiliknya. Sebaliknya, walaupun SARS-CoV-2 telah dikesan dalam haiwan bukan domestik, risiko jangkitan kepada manusia adalah kecil apabila kelengkapan perlindungan diri yang sesuai digunakan.

Kajian di Malaysia juga menyiasat ciri-ciri haiwan kesayangan yang dijangkiti SARS-CoV-2. Haiwan kesayangan yang tinggal di dalam rumah atau kurang merayau didapati mempunyai risiko yang lebih tinggi untuk dijangkiti SARS-CoV-2 berbanding dengan haiwan kesayangan yang bebas merayau di luar. Hakikatnya, haiwan kesayangan yang dikembiri kebiasaannya lebih suka berada di dalam rumah. Sila ambil langkah berjaga-jaga apabila membersihkan najis dan bekas makanan haiwan kesayangan anda. Akhir sekali, anda perlu sentiasa memastikan tahap kesihatan haiwan kesayangan untuk melindunginya daripada sebarang penyakit.

Haiwan kesayangan yang dijangkiti SARS-CoV-2 mungkin kelihatan sihat atau menjadi tidak sihat, kadangkala dengan gejala berkaitan pernafasan dan *kemurungan. Dapatan daripada kajian di Malaysia menunjukkan bahawa aktiviti berikut meningkatkan kemungkinan haiwan kesayangan dijangkiti oleh virus:

- **Mencium;**
- **Memeluk;**
- **Bermain;**
- **Membelai;**
- **Pemilik dan haiwan kesayangan tidur bersama; dan**
- **Menyentuh persekitaran haiwan kesayangan seperti apabila membersihkan najis/ takungan najis haiwan kesayangan.**

*Kemurungan di sini merujuk kepada kurang aktif.

II. Amalan kebersihan pemilik yang positif COVID-19 semasa mengendalikan haiwan kesayangan mereka

Takrif kebersihan

Kebersihan ditakrifkan oleh Organisasi Kesihatan Sedunia (WHO) sebagai keadaan atau amalan yang membantu mengekalkan kesihatan dan mengelakkan penyebaran penyakit. Antara amalan ini adalah membasuh tangan, membersihkan diri dengan betul, dan menggunakan kelengkapan perlindungan peribadi dengan sewajarnya.

Takrif kontak rapat

Pusat Kawalan dan Pencegahan Penyakit (CDC) mentakrifkan kontak rapat sebagai individu yang berada kurang daripada dua meter selama lebih 15 minit dengan individu lain yang disahkan atau disyaki dijangkiti COVID-19, sejak dua hari sebelum individu yang dijangkiti mula bergejala, atau pada hari mereka diuji sekiranya mereka tidak bergejala, sehingga mereka mula berada dalam pengasingan. Anggapan tersebut menjadi takrif yang sama bagi kontak rapat antara manusia dengan haiwan kesayangan.

Penyebaran virus antara manusia dan haiwan kesayangan

Menurut Persatuan Perubatan Veterinar Amerika (AVMA), dalam keadaan semula jadi, haiwan kesayangan mungkin dijangkiti dengan SARS-CoV-2 selepas menjadi kontak rapat dan secara berterusan dengan individu yang positif COVID-19. Individu yang mempunyai COVID-19 mungkin menyebarkan virus yang menyebabkan penyakit ini kepada haiwan kesayangan dengan cara yang sama manusia mungkin menjangkiti individu lain.

Kontak rapat antara manusia dengan haiwan kesayangan menjadi faktor penting dalam penularan virus daripada manusia kepada haiwan kesayangan dan sebaliknya. Ini merangkumi:

- Kontak langsung melalui air liur, darah, urin, mukus, tinja, atau bendalir tubuh lain termasuk membelai atau menyentuh haiwan, serta melalui gigitan atau cakaran.
- Kontak tak langsung pada kawasan haiwan kesayangan tinggal atau merayau, atau objek atau permukaan yang telah tercemar termasuk tempat tidur, mainan, takung najis, makanan dan mangkuk air.



II. Amalan kebersihan pemilik yang positif COVID-19 semasa mengendalikan haiwan kesayangan mereka

Kegiatan lazim yang melibatkan kontak rapat semasa mengendalikan haiwan kesayangan

Kegiatan yang biasanya dilakukan oleh pemilik haiwan kesayangan apabila mengurus haiwan kesayangan mereka termasuk mengendalikan najis kumuhan, tempat tidur, mainan, bekas makanan dan air. Memberi makan, memeluk, mencium, membelai, bermain, memberi sisa makanan, dan tidur bersama adalah antara contoh cara manusia boleh menjadi kontak rapat dengan haiwan kesayangan mereka.



Langkah-langkah kebersihan

Amalan kebersihan adalah penting bagi mencegah penularan sebarang penyakit berjangkit seperti COVID-19. Apabila manusia positif COVID-19, mereka sepatutnya menggunakan kelengkapan perlindungan diri (PPE) yang sesuai seperti memakai pelitup muka, sarung tangan, menggunakan penyodok atau alat pembersihan dan mengamalkan mencuci tangan semasa mengendalikan haiwan sewaktu melakukan kegiatan yang dinyatakan di atas dalam tempoh 14 hari sejak jangkitan penyakit disahkan. Pembersihan dan penyahjangkitan kawasan dan permukaan tempat tinggal haiwan kesayangan dengan air dan detergen atau bahan penyahjangkit seperti natrium hipoklorit (peluntur) atau larutan berasaskan alkohol. Walau bagaimanapun, jangan pakaikan pelitup muka dan mengelap atau memandikan haiwan kesayangan dengan bahan penyahjangkit kimia, alkohol, hidrogen peroksida atau produk lain, seperti pensanitasi tangan, tisu lap pembersih, atau lain-lain pembersih industri atau pembersih permukaan.

III. Pengurusan haiwan kesayangan yang disyaki dijangkiti COVID-19 bagi pemilik dan doktor veterinar

Takrif kes

Bagi manusia, gejala penyakit pernafasan merujuk kepada spektrum tanda-tanda klinikal yang berkaitan dengan jangkitan saluran pernafasan atas. Takrif "gejala penyakit pernafasan" belum ditetapkan untuk haiwan teman, maka takrif daripada kepustakaan tentang manusia akan digunakan untuk garis panduan ini. Haiwan teman dalam garis panduan ini merujuk kepada anjing dan kucing.

Anjing dan kucing mempunyai risiko mendapat jangkitan SARS-CoV-2 melalui jangkitan semula jadi susulan limpahan strain asal atau varian lain SARS-CoV-2 daripada manusia yang dijangkiti. Haiwan yang terdedah kepada SARS-CoV-2 boleh menjadi asimptomatik (tidak bergejala) atau simptomatik (bergejala). Haiwan yang dijangkiti mungkin mempunyai gejala pernafasan dan gastrousus, termasuk bersin, batuk, muntah, cirit-birit, lelehan hidung, lelehan okulus dan sukar bernafas. Maklumat mengenai petanda klinikal pada haiwan dengan varian SARS-CoV-2 yang berlainan adalah sedikit; namun begitu, dipercayai bahawa petanda klinikal mungkin berbeza.

Takrif haiwan kesayangan asimptomatik dan simptomatik

Haiwan asimptomatik (tidak bergejala) ialah haiwan kesayangan yang sihat yang menjadi kontak rapat dengan individu yang diuji positif COVID-19 (melalui ujian sendiri atau bawah seliaan perubatan).

Haiwan simptomatik (bergejala) ialah haiwan kesayangan yang sakit dengan gejala pernafasan dan gastrousus yang menjadi kontak rapat dengan individu yang diuji positif COVID-19 (melalui ujian sendiri atau bawah seliaan perubatan). Sila rujuk kepada takrif kes di atas untuk tanda-tanda klinikal pada haiwan yang terjejas.



Apakah nasihat yang perlu diberikan kepada pemilik haiwan kesayangan yang dijangkiti COVID-19 atau mereka yang menjalani pengasingan sendiri?

Bagi pemilik haiwan kesayangan

Pemilik yang dijangkiti atau pemilik yang amat disyaki dijangkiti COVID-19 atau berisiko mendapat jangkitan hendaklah merancang penjagaan kesihatan haiwan kesayangan mereka.

Bagi haiwan kesayangan asimptomatik:

- Penginapan luar disyorkan jika pemilik dimasukkan ke hospital akibat COVID-19, mengalami tanda-tanda klinikal yang teruk dan/atau apabila penjaga haiwan kesayangan yang boleh dipercayai tidak tersedia. Pemilik yang dijangkiti mesti sentiasa berada dalam kuarantin dan meminta bantuan daripada orang lain untuk menghantar haiwan kesayangan ke kemudahan penginapan luar.
- Haiwan kesayangan boleh dikuarantin di rumah yang sama dengan pemilik yang menjalani pengasingan sendiri atau kuarantin di rumah. Pemilik disarankan meminta bantuan daripada orang lain untuk menjaga haiwan kesayangan mereka. Jika penjaga haiwan kesayangan tidak tersedia, pemilik harus mengurangkan sentuhan dan memakai pelitup muka semasa mengendalikan haiwan. Amalkan tatacara kebersihan yang baik, mencuci tangan dan sanitasi sebelum dan selepas mengendalikan haiwan kesayangan, makanan dan air (Rujuk bahagian mengenai amalan kebersihan). Elakkan kegiatan yang melibatkan kontak langsung, termasuk memeluk, mencium dan tidur dengan haiwan kesayangan anda.

***Jangan cuba mengelap badan haiwan kesayangan dengan tisu pengelap antiseptik kerana haiwan akan menjilat bahan kimia yang mungkin beracun daripada bulunya dan boleh menyebabkan haiwan sakit.**

Bagi haiwan kesayangan simptomatik:

- Haiwan kesayangan boleh dikuarantin di rumah yang sama dengan pemilik yang menjalani pengasingan sendiri atau kuarantin di rumah. Pemilik disarankan meminta bantuan daripada penjaga haiwan, saudara-mara atau rakan untuk menjaga haiwan kesayangan. Jika penjaga haiwan kesayangan tidak tersedia, pemiliknya harus mengurangkan sentuhan dan memakai pelitup muka semasa pengendalian.
- Amalkan tatacara kebersihan yang baik, mencuci tangan dan sanitasi sebelum dan selepas mengendalikan haiwan kesayangan, makanan dan air (Rujuk bahagian mengenai amalan kebersihan). Nyahjangkit mangkuk, mainan dan lain-lain barang penjagaan haiwan dengan bahan penyahjangkit yang mesra alam dan bilas betul-betul dengan air bersih selepas itu. Nyahjangkit permukaan tercemar dengan bahan penyahjangkit (e.g.: Clorox, alkohol) selama seminit.
- Kucing/anjing yang disyaki dijangkiti COVID-19 perlu dikurung di dalam rumah dan diasingkan daripada haiwan kesayangan lain selama 14 hari. Pemilik hendaklah mempertimbangkan agar menghalang kucing merayau di luar. Sediakan tempat tidur yang bersih, mangkuk atau bekas, ganjaran dan mainan yang berasingan daripada yang digunakan oleh individu atau haiwan lain di dalam rumah.
- Jika tanda-tanda klinikal semakin teruk, hubungi doktor veterinar anda dan dapatkan nasihat melalui telefon atau e-mel. Jika rawatan perubatan segera diperlukan, dapatkan bantuan daripada orang lain untuk menghantar haiwan kesayangan ke klinik haiwan terdekat.
- Jika haiwan kesayangan perlu dimasukkan ke hospital, elakkan daripada melawat dan dapatkan maklumat terkini melalui telefon atau e-mel. Hanya seorang dewasa yang sihat dibenarkan untuk melawat jika haiwan kesayangan berada dalam keadaan kritikal.

Untuk Doktor Veterinar

Buat penilaian risiko terhadap pelanggan anda/pemilik haiwan sebelum meneruskan perundingan veterinar.

(Rujuk <https://Covid19.moh.gov.my/garis-panduan/garis-panduan-kkm>)

Kategori	Penerangan
Risiko tinggi	Individu yang diuji positif COVID-19 yang dimasukkan ke hospital atau sedang kuarantin wajib (pengasingan di rumah). Individu dengan gejala pernafasan tetapi tidak diuji untuk COVID-19 dan mempunyai sejarah kontak rapat dengan ahli keluarga atau pesakit yang positif COVID-19.
Risiko Sederhana	Individu dengan gejala pernafasan tetapi tidak diuji untuk COVID-19 dan tiada sejarah kontak rapat dengan pesakit yang positif COVID-19.
Risiko rendah	Pemilik/isi rumah yang mempunyai pesakit COVID-19 yang sudah pulih dan lengkap hari kuarantin yang diperlukan. Pemilik tanpa gejala COVID-19 tetapi terdapat individu yang positif COVID-19 dikenal pasti di tempat kerja.
Tiada risiko yang dapat dikenal pasti	Pemilik yang sihat tanpa sejarah kontak rapat dengan individu yang positif COVID-19.

Untuk Doktor Veterinar

Perundingan veterinar melalui janji temu disyorkan untuk mengurangkan kesesakan di klinik veterinar.

- Perundingan secara bersemuka

Kenal pasti pintu masuk dan/atau keluar yang khusus supaya pelanggan boleh masuk dan meninggalkan premis anda dengan selamat (iaitu sediakan arahan yang jelas atau tunjuk arah).


- Amalkan langkah pencegahan piawai dalam amalan veterinar, termasuk sanitasi dan mencuci tangan dengan kerap, pengudaraan yang sewajarnya, penjarakan sosial dan fizikal (sekurang-kurangnya dengan jarak satu meter).
- Kekalkan penjarakan fizikal semasa pengendalian dan pengekangan.
- Kawasan mesti dilabelkan dengan sewajarnya. Hadkan bilangan kerusi untuk memastikan jarak fizikal yang selamat.
- Keluarkan semua barangan yang tidak diperlukan di kawasan menunggu.
- Hanya seorang dewasa yang sihat dibenarkan untuk mengiringi haiwan kesayangan.
- Sediakan bukti janji temu melalui surat atau e-mel.
- Pelanggan dan kakitangan klinik diwajibkan memakai pelitup muka di dalam dan di luar premis.
- Jalankan prosedur yang diperlukan sahaja untuk kes tersebut.
- Pensanitasi tangan hendaklah disediakan, dan pelanggan perlu diingatkan agar menyahjangkit tangan mereka setiap kali mereka menyentuh sebarang kawasan/permukaan (cth., peringatan/tanda di pintu masuk klinik/bilik perundingan).
- Kekalkan kebersihan pada setiap masa, nyahjangkit permukaan kerja antara setiap pesakit. Sila rujuk mukasurat 6 untuk amalan kesihatan yang disyorkan.

- Bekalan ubat dan haiwan kesayangan mesti diserahkan kepada pelanggan oleh kakitangan.
- Bayaran secara dalam talian diutamakan berbanding dengan urus niaga tunai.
- Jika haiwan kesayangan perlu dimasukkan ke hospital, pemilik tidak digalakkan melawat. Hanya seorang dewasa yang sihat dibenarkan untuk melawat jika haiwan kesayangan berada dalam keadaan kritikal.
- Ujian SARS-CoV-2 secara rutin terhadap haiwan TIDAK disyorkan.
- Doktor veterinar amat digalakkan untuk menyingkir punca penyakit lain yang lebih lazim berlaku pada haiwan sebelum mempertimbangkan ujian untuk SARS-CoV-2.



Bagi Doktor Veterinar

Penilaian Risiko bagi mempertimbangkan ujian COVID-19 terhadap haiwan kesayangan (asimptomatik atau mempunyai tanda-tanda klinikal jangkitan SARS-CoV-2 yang mencurigakan*)



● Haiwan yang mempunyai sejarah pendedahan dengan individu atau haiwan yang disyaki atau disahkan dijangkiti SARS-CoV-2

*PERHATIAN: Doktor veterinar digalakkan untuk mempertimbangkan punca penyakit lain yang lebih lazim berlaku pada haiwan dan menilai secara klinikal apabila memutuskan sama ada untuk menguji SARS-CoV-2 pada haiwan. Semua keputusan untuk menguji haiwan hendaklah dijalankan dengan penyelarasan bersama pegawai kesihatan awam dan kesihatan haiwan (DVS) yang berkaitan.

Doktor veterinar hendaklah berunding dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri yang terdekat bagi sebarang kes yang disyaki. Sebarang kes positif perlu dilaporkan kepada Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri dan/atau Pusat Pengurusan Krisis di DVS Putrajaya melalui nombor telefon:

Hotline tel no: 03-8870 2041;

Email: adic@dvs.gov.my;

Fax no: 03-8888 6472

Rujukan

1. Drózd, M., Krzyżek, P., Dudek, B., Makuch, S., Janczura, A., & Paluch, E. (2021). Current State of Knowledge about Role of Pets in Zoonotic Transmission of SARS-CoV-2. *Viruses*, 13(6), 1149.
2. Gonzales, J. L., de Jong, M. C. M., Gerhards, N. M., & van der Poel, W. H. M. (2021). The SARS-CoV-2 Reproduction Number R_0 in Cats. *Viruses*, 13(12), 2480.
3. Sila T, Sunghan J, Laochareonsuk W, et al. Suspected Cat-to-Human Transmission of SARS-CoV-2, Thailand, July-September 2021 *Emerg Infect Dis*. 2022;28(7)
4. World Health Organization (WHO). "Hygiene: Overview". <https://www.cdc.gov/hygiene/fast-facts.html>
5. Centre for Disease Control and Prevention (CDC). How to Determine a Close Contact for Covid19. <https://www.cdc.gov/coronavirus/2019-ncov/your-health/if-you-were-exposed.html>
6. American Veterinary Medical Association (AVMA). SARS-CoV-2 in animals. <https://www.avma.org/resources-tools/one-health/covid-19/sars-cov-2-animals-including-pets>
7. Centre for Disease Control and Prevention (CDC). What You Should Know about Covid19 and Pets. <https://www.cdc.gov/healthypets/covid-19/pets.html>
8. Virginia Department of Health. Testing and Management of an Animal Positive for SARS-CoV-2 in VA. <https://www.vdh.virginia.gov/coronavirus/get-the-latest-guidance/health-professionals/veterinarians/testing-and-management-of-an-animal-positive-for-sars-cov-2-in-va/>
9. Food and Agriculture Organization (FAO). Recommendations for the epidemiological investigation of SARSCoV-2 in exposed animals – SARS-CoV-2 detection in farmed and companion animals. FAO Animal Health Risk Analysis – Management, No. 2. Rome. <https://doi.org/10.4060/cb7140en>.
10. British Small Animal Veterinary Association. Dog and cat triage guidance for use during Covid19 pandemic in the United Kingdom. <https://www.bsava.com/Portals/0/education/documents/triage-guidance.pdf?ver=2020-03-27-171545-433×tamp=1585329349520>
11. World Animal Health Organization. Infection with SARS-CoV2 in animals. <https://www.woah.org/app/uploads/2021/11/en-factsheet-sars-cov-2-20211025.pdf>
12. World Small Animal Veterinary Association. WSAVA Advice for Pet Owners during the COVID-19 Pandemic. https://wsava.org/wp-content/uploads/2020/05/Pet-Owners_WSAVA-Animal-Welfare-Advice-during-COVID-19.pdf



USAID
FROM THE AMERICAN PEOPLE

SEA HUN
Southeast Asia One Health
University Network

